

'Isu Kemanusiaan Darfur, Sudan' bawa tuah buat pelajar UMS

NST 18.1.16 3



KENANGAN ... Dr Kamarudin dan Pelajar Hubungan Antarabangsa UMS bergambar kenangan sempena majlis penyampaian anugerah pertandingan 'Young Humanitarian Writers Competition 2015'.

KOTA KINABALU: Artikel bertajuk 'Isu Kemanusiaan Darfur, Sudan' memberi tuah kepada pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Siti Nurzulaiha Lailee apabila dinobatkan sebagai pemenang pertandingan 'Young Humanitarian Writers Competition 2015'.

Pertandingan anjuran bersama International Committee of the Red Cross (ICRC) dan National Press Club Malaysia menyaksikan artikel pelajar tahun tiga program Hubungan Antarabangsa itu berjaya menambat hati juri pertandingan.

Penulisannya yang menekankan

situasi konflik di Sudan serta bagaimana bantuan kemanusiaan kepada rakyat disekat oleh kerajaan Sudan membolehkan beliau menggondol hadiah utama iaitu wang tunai bernilai RM1,500 serta sebuah gajet elektronik.

Hadiah disampaikan Ketua Pejabat ICRC Sabah, Dominique Earnshaw dalam satu majlis penyampaian anugerah di Galeri Majlis, UMS baru-baru ini.

UMS turut memenangi tiga hadiah lain dalam pertandingan tersebut, iaitu hadiah tempat ketiga yang dimenangi oleh Mohd Ariff Mohd Noor,

dan hadiah saguhati masing-masing dimenangi oleh Audrey Michelle Peter dan Zaenushan Adrizan Zubir.

Pertandingan yang bertemakan 'Respecting Life and Human Dignity' antara lain bertujuan untuk menggalakkan anak-anak muda untuk memahami dan membincangkan hal-hal berkaitan perundangan antarabangsa, tindakan dan prinsip-prinsip dalam isu kemanusiaan.

Turut hadir pada majlis itu Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin.